

27 DEC 2001

PEMILIH INDERA KAYANGAN DISERU BAWA MESEJ PERPADUAN

KANGAR, 27 Dis (Bernama) -- Pemilih keturunan Cina di kawasan Indera Kayangan perlu membawa mesej perpaduan dengan memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN), kata Naib Presiden MCA, Datuk Dr Fong Chan Onn hari ini.

Menurutnya, masyarakat Cina harus menghargai keharmonian yang sedia wujud dan kemenangan itu bukan sekadar untuk Malaysia dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malah untuk menjadi tatapan dunia.

"Tunjukkan kepada dunia bahawa rakyat sentiasa memberi sokongan padu kepada BN, kerajaan yang memerintah negara ini secara bijak dan demokratik," katanya semasa melawat bilik gerakan pilihan raya MCA kawasan Indera Kayangan hari ini.

Dr Fong, Menteri Sumber Manusia berkata pemilih keturunan Cina harus sentiasa menyokong BN demi keamanan dan keselamatan dan ekonomi negara yang lebih terjamin.

Beliau berkata tanggungjawab pemilih keturunan Cina adalah amat besar dalam membawa misi penting kepada negara.

Meskipun Indera Kayangan hanya sebuah kawasan dewan undangan negeri, kemenangan BN adalah amat penting, katanya.

Beliau berkata MCA sudah melakukan persediaan yang perlu bagi menghadapi pilihan raya itu.

-- BERNAMA

AD NMO